



## **SIARAN MEDIA**

### **RM13 JUTA DIPERUNTUKAN UNTUK PENYELESAIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN KEPADA PELAJAR DIPLOMA**

18 Julai – Majlis Pelancaran Skim Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan dan Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MAIWP dan PTPTN diadakan di Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP hari ini. Usaha ini jelas menunjukkan peranan kerajaan melalui agensi-agensi bertanggungjawab khususnya MAIWP begitu komited dalam membantu asnaf di Wilayah Persekutuan.

Menerusi **Skim Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan** yang dilancarkan ini, MAIWP menawarkan bantuan kepada asnaf fakir, miskin dan muafak yang menetap di Wilayah Persekutuan dan membuat pinjaman pendidikan PTPTN di Peringkat Diploma serta mendapat keputusan cemerlang CGPA 3.50 ke atas.

Dalam ucapan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama berkata, "Skim Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan ini adalah kerjasama strategik di antara MAIWP dan PTPTN. Bantuan ini akan disalurkan kepada pelajar – pelajar asnaf yang cemerlang di peringkat Diploma dalam bidang perubatan dan bukan perubatan bagi menyelesaikan pinjaman PTPTN. MAIWP telah peruntukkan dana untuk pembiayaan pendidikan ini dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM13 Juta."

Sebelum ini, MAIWP telah menjalinkan kerjasama strategik bersama PTPTN menerusi produk simpanan iaitu **Simpan SSPN Prime** yang mana MAIWP menyalurkan dana berbentuk simpanan kepada anak-anak penerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIWP seawal usia satu (1) tahun bermula tahun 2022 hingga tahun 2026.

MAIWP sentiasa membuka peluang kepada agensi, syarikat korporat badan bukan kerajaan, institusi dan sebagainya bersinergi bersama MAIWP. MAIWP percaya tanggungjawab membantu masyarakat menjadi satu tanggungjawab bersama dan akan memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat.

Turut hadir Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP, Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN, Mohd Nizam Haji Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Professor Dr. Wan Mohd Azizi Wan Sulaiman, Naib Canselor Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) dan Mastura Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN.

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**  
**18 Julai 2023**

**-TAMAT-**

<b>UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI :</b>	
<b>Sutera Manis binti Zamzam</b> Ketua Unit Perhubungan Korporat MAIWP Tingkat 11, Bangunan Perkim Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur Email : <a href="mailto:sutera.manis@maiwp.gov.my">sutera.manis@maiwp.gov.my</a> Telefon : 03-4047 9406 / 012-667 2594	<b>Siti Noor Nazlia Binti Nordin</b> Unit Perhubungan Korporat MAIWP Tingkat 11, Bangunan Perkim Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur Email : <a href="mailto:nazlia@maiwp.gov.my">nazlia@maiwp.gov.my</a> Telefon : 03-4047 7626 / 014-981 2188